



ABDUL Wahabi (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian daripada rokok seludup yang dirampas pada sidang akhbar di Bangunan Kastam Pelabuhan Klang semalam.

Kastam rampas barang haram RM2.6 juta disorok dalam kontena

Ikrar rokok sebagai bagasi

Oleh **SITI A'ISYAH SUKAIMI** dan **ISKANDAR SHAH MOHAMED**

KLANG – Cubaan seorang ejen Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk menyeludup rokok bernilai RM2.6 juta menerusi dua kontena gagal apabila dia dicekup jabatan itu di Pelabuhan Utara di sini kelmarin.

Lelaki berusia 52 tahun itu ditahan pada pukul 5.30 petang selepas pemeriksaan dilakukan ke atas kontena tersebut.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Datuk Abdul Wahabi Abdullah berkata, suspek didapati mewakili sebuah syarikat yang menguruskan pengiklanan import barangan di dalam kontena berkenaan.

“Berdasarkan siasatan men-

dapati ejen itu membuat pengiklanan kononnya kontena itu hanya bermuatan kertas, meja dan bagasi.

“Bagaimanapun, hasil pemeriksaan menemui sebanyak 23 juta batang rokok seludup bernilai termasuk cukai adalah RM15.4 juta,” katanya pada sidang akhbar di Wisma Kastam Pelabuhan Utara di sini semalam.

Kata Abdul Wahabi, semakan mendapati suspek bekerja sebagai ejen sejak empat tahun lalu.

Beliau menegaskan suspek direman selama tiga hari dan pihaknya kini sedang memburu seorang wanita berusia 38 tahun yang dipercayai turut sama terlibat bagi membantu siasatan.

“Selain itu, siasatan juga di-

jalankan bagi mengenal pasti syarikat yang menggaji ejen Kastam tersebut untuk tindakan lanjut,” katanya.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (g) Akta Kastam 1976 iaitu mengelak larangan import dan Seksyen 74 (1) (e) Akta Eksesais 1976 kerana mengelak duti eksais,” katanya.

Sementara itu, kastam turut merampas rokok tanpa cukai bernilai RM2.24 juta dalam satu operasi di Pelabuhan Labuan baru-baru ini.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Johari Alifiah berkata, pemeriksaan ke atas dua buah kontena berukuran kira-kira 12.2 meter pada 10 Julai lalu telah menemui 20.4 juta

batang rokok pelbagai jenama.

Katanya, pemeriksaan ke atas kontena tersebut dilakukan pegawai Unit Siasatan Dalaman Zon Sabah selepas mendapat maklumat risikan.

“Pemeriksaan awal ke atas kedua-dua kontena menjumpai rokok berjenama disyaki barang larangan atau barang belum lulus kastam dengan duti cukai sebanyak RM14.45 juta.

“Kedua-dua kontena tiba di Pelabuhan Labuan pada 9 Julai lalu. Pemeriksaan ke atas Borang Kastam 1 (Import), Dokumen Perkapalan dan Daftar Muatan Kapal menunjukkan dagangan di dalam dua kontena tersebut diikrar sebagai rokok dan diimport dari salah sebuah negara di Asia Tenggara.